

BH **BISNES**

INDEKS UTAMA	SAHAM PALING AKTIF	SAHAM PALING UNTUNG	SAHAM PALING RUGI
▽FBM KLCI 1,686.350 -1.510	△AAX-WA 0.185 +0.030	△PIE 11.000 +0.520	▽BAT 55.680
△FBMT100 11,374.410 +1.120	△AAX 0.300 +0.015	△GENTING 8.680 +0.330	▽HUATLAI 4.160
△FBM70 12,828.890 +42.420	△AIRASIA 1.730 +0.070	△SCIENTX 11.180 +0.280	▽AJI 9.100
△FBMSCAP 15,095.750 +98.670	○XOX 0.150 -	△KESM 4.150 +0.250	▽BKAWAN 17.740
△FBMEMAS 11,661.180 +5.710	△SUNZEN-WB 0.100 +0.025	△TOPGLOVE 5.150 +0.240	▽TIMECOM 7.180



(Dari kiri) Faris, Mohd Irwan, Yasmin dan Deichmann pada **pelancaran Laporan Pembangunan Dunia 2016: Dividen Digital oleh Bank Dunia**, di Kuala Lumpur, semalam.

(FOTO ASYRAF HAMZAH/BH)

EKONOMI DIGITAL SASAR PENINGKATAN 20 PERATUS

➤ **Penggunaan meluas pacu sumbangan dalam KDNK menjelang 2020**

Oleh **Shahrizan Salian**
shahrizan_salian@bh.com.my

Ekonomi digital disasarkan akan menjadi antara penggerak utama ekonomi negara dengan menyumbang 20 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2020, berbanding 17 peratus pada 2014.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah, berkata peningkatan sumbangan itu disokong oleh penggunaan ekonomi digital secara lebih meluas merangkumi sektor awam, swasta dan rakyat.

“Ekonomi digital akan

terus melakukan penembusan dan menjadi elemen penting kepada ekonomi negara. Penembusan ini bukan hanya dalam bidang pembelajaran elektronik, malah sektor kerajaan akan turut memanfaatkan perkembangan ini.

“Ia termasuk proses pemfaiian elektronik oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), bidaan elektronik oleh Kementerian Kewangan, pelesenan elektronik dan sebagainya. Justeru, semua sektor kerajaan harus menggunakan ekonomi digital sebagai perkhidmatan bagi memudahkan rakyat berurusan dengan agensi terbabit,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas menjadi panel pada pelancaran Laporan Pembangunan Dunia 2016: Dividen Digital oleh Bank Dunia di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir, Pengurus Negara Bank Dunia bagi Malaysia, Faris Hadad-Zervos; Pengarah Bersama Laporan Pembangunan Dunia 2016, Uwe Deichmann dan Ketua Pegawai

Eksekutif Multimedia Development Corporation (MDeC), Datuk Yasmin Mahmood.

Sumbangan ekonomi digital kepada KDNK Malaysia mencecah 17 peratus pada 2014, meningkat daripada 16.38 peratus pada 2013. Angka 17 peratus yang dicatatkan pada 2014 itu dicapai enam tahun lebih awal berbanding sasaran sebenarnya, iaitu pada 2020.

Tembusi semua sektor

Mengulas lanjut, Mohd Irwan berkata, perkembangan ekonomi digital dalam sektor lain pula akan dipacu oleh MDeC yang mempunyai pelbagai perancangan supaya membolehkan bidang berkenaan terangkum kepada semua golongan.

Sebagai contoh, katanya, golongan berpendapatan 40 peratus terbawah (B40) mendapat peluang untuk menjalankan perniagaan secara dalam talian yang membolehkan pendapatan isi rumah mereka setiap bulan ditingkatkan.

“Jika sekarang mereka

meraih pendapatan RM1,000 hingga RM1,500, ekonomi digital mampu meningkatkan pendapatan sehingga RM4,000 sebulan. Inilah yang diharapkan kerajaan, iaitu supaya ekonomi digital menembusi semua sektor,” katanya.

Laporan Pembangunan Dunia 2016: Dividen Digital menjelaskan perkembangan pesat teknologi digital di kebanyakan tempat di seluruh dunia, namun dividen digital, iaitu manfaat pembangunan lebih meluas daripada penggunaan teknologi sedemikian masih ketinggalan.

Dalam kebanyakan kes, teknologi digital berjaya mengukuhkan pertumbuhan negara, meluaskan peluang dan menambah baik penyampaian, namun impak agregatnya masih kecil serta agihan yang tidak seimbang.

Berikutan itu, laporan berkenaan mencadangkan supaya semua negara perlu mengukuhkan kawal selia bagi memastikan revolusi digital dapat dimanfaatkan sepenuhnya.